

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 1 TAHUN 2025
JABATAN LANDSKAP NEGARA**

Tarikh : 6 Februari 2025 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Bunga Raya
Jabatan Landskap Negara

HADIR:

Wakil Pihak Pegawai

1. Encik Mansor bin Mohamad
Ketua Pengarah **– Pengerusi**
2. Dr. Mazifah binti Simis
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
3. Encik Ahmad Syaharuddin bin Kamaruddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
4. Encik Syamsul Erwin bin Muhamad Lagis
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
5. Puan Wan Zafirah Hanim binti Wan Mohamad
Penolong Pengarah Kanan **– Setiausaha
Pihak Pegawai**
Bahagian Khidmat Pengurusan

Wakil Pihak Pekerja

1. Encik Raja Faerull Asraf bin Raja Alim
Penolong Arkitek Landskap Kanan **– Setiausaha
Pihak Pekerja**
Bahagian Promosi dan Industri Landskap
2. Encik A Danial bin Ismail
Penolong Pengarah
Bahagian Promosi dan Industri Landskap
3. Encik Ahmad Radhi bin Rossidin
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Taman Persekutuan
4. Encik Ahmad Nasron bin Yusoff @ Bos'an
Penolong Juru Ukur Bahan
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan

5. Encik Muhamad Azuha bin Ramli
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Pembangunan Landskap
6. Encik Mustaim bin Mat
Ketua Pembantu Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan

Urus Setia

1. Puan Hernizawati binti Abdul Majid
Ketua Pembantu Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Encik Muhammad bin Abdul Latip
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Wakil Pihak Pekerja

1. Encik Azrel bin Ismail
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Landskap
2. Encik Mohd Samsi bin Sumairi
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Landskap
3. Encik Muhammad Radwan bin Yusof
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Teknikal

**– Pengerusi
Bersama**

TIDAK HADIR

1. Puan Colina binti Awi
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Khidmat Teknikal

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1** Tuan Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat MBJ JLN Bil. 1/2025.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1** Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 3/2024 bertarikh 18 November 2024 disahkan tanpa sebarang pindaan.

3.0 USUL-USUL BAHARU

3.1 Sistem Pemantauan Waktu Kehadiran

- 3.1.1** Mesyuarat diminta mempertimbangkan cadangan supaya BKP membangunkan atau berkongsi maklumat sistem pemantauan waktu kehadiran bagi membolehkan kakitangan menyemak rekod waktu kehadiran dan waktu keluar secara harian serta memudahkan kakitangan untuk memastikan ketepatan rekod kehadiran dan mengelakkan sebarang kekeliruan.
- 3.1.2** Mesyuarat dimaklumkan Sistem Time Attendance Management System (TAMS) telah disediakan oleh PBSB Sdn. Bhd. untuk merekod maklumat kehadiran kakitangan dan telah digunakan sepenuhnya di JLN mulai bulan Ogos 2021.
- 3.1.3** Mesyuarat juga dijelaskan akses kepada laporan hanya diberikan kepada BKP kerana melibatkan faktor keselamatan. Pegawai hanya boleh merekod maklumat hadir lewat/keluar pejabat di *card reader* dan *touch screen display* yang disediakan di ruang lobi Blok F10.
- 3.1.4** Mesyuarat dimaklumkan pembangunan sistem yang diusulkan tidak berbaloi dengan keperluan semasa JLN. Mesyuarat diminta mengambil alternatif lain seperti merekod waktu kehadiran di buku yang disediakan oleh bahagian masing-masing.

Makluman

3.2 Cuti Gantian Bagi Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) Gred J9 dan J10

- 3.2.1 Mesyuarat diminta mempertimbangkan semula kebenaran Cuti Ganti kepada Pegawai P&P Gred J9 dan J10 yang bertugas pada hari cuti atau cuti kelepasan Am.
- 3.2.2 Mesyuarat diingatkan akan keputusan YBhg. Datuk Wira KSU iaitu pegawai P&P dibenarkan untuk hadir lewat ke pejabat dan pegawai juga layak memohon cuti gantian sekiranya bertugas lebih masa dalam program rasmi sempena cuti pelepasan am.
- 3.2.3 Mesyuarat dimaklumkan Pengerusi Pihak Pekerja akan mengangkat satu minit bebas kepada YBhg. Datuk Wira KSU bagi mempertimbangkan perkara tersebut.
- 3.2.4 Pengerusi memohon supaya Pengerusi Pihak Pekerja berbincang dengan beliau sebelum mengangkat permohonan tersebut untuk pertimbangan YBhg. Datuk Wira KSU.
- 3.2.5 Pengerusi juga memaklumkan pegawai boleh memohon cuti gantian sekiranya terdapat keperluan yang mendesak.

Tindakan: Pengerusi Pihak Pekerja

3.3 Status Penggantian Pemandu Kenderaan Yang Telah Berpencen

- 3.3.1 Mesyuarat diminta menjelaskan status penggantian pemandu kenderaan yang telah berpencen pada tahun lepas.
- 3.3.2 Mesyuarat dimaklumkan kelulusan pengisian jawatan di gred lantikan oleh JPA pada 22 April 2024, walau bagaimanapun proses pengisian dibekukan pada penghujung tahun 2024 berikutan pelaksanaan SSPA. Buat masa ini, proses pengambilan tersebut sedang diproses oleh SPA.
- 3.3.3 Mesyuarat juga dimaklumkan di bawah SSPA, skim Pemandu Kenderaan ditukar ke Pembantu Khidmat Am Gred H1.

Makluman

3.4 Sesi Perkongsian Ilmiah Bagi Setiap Program Jabatan Ke Luar Negara

3.4.1 Mesyuarat diminta mempertimbangkan usul supaya Jabatan mewajibkan sesi perkongsian ilmiah bagi setiap program jabatan ke luar negara, sama ada kursus jangka panjang, kursus jangka pendek, cuti sambung belajar, tugas khas, tugas hakiki atau mana-mana yang sesuai diputuskan oleh Ketua Jabatan. Usul ini bertujuan berkongsi pengetahuan dan pengalaman peserta program dengan seluruh warga jabatan.

3.4.2 Mesyuarat bersetuju dengan usul tersebut dan peserta program Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap diminta mengadakan sesi perkongsian ilmu dalam Perhimpunan Jabatan Bil. 1/2025 yang akan diadakan pada 12 Februari 2025.

Tindakan: BKP

4.0 HAL-HAL LAIN

4.1 Surat Edaran KPPA Mengenai Pemerkasaan Peranan Pihak Pekerja Melalui Galakan Untuk Bergabung Dengan MBK Dan Aktiviti Promosi MBK Dalam Program Anjuran Jabatan

4.1.1 Mesyuarat diminta mengambil perhatian surat edaran KPPA mengenai Pemerkasaan Peranan Pihak Pekerja Melalui Galakan Untuk Bergabung Dengan MBK Dan Aktiviti Promosi MBK Dalam Program Anjuran Jabatan.

4.1.2 Pengerusi memohon Pihak Pekerja mengadakan sesi libat urus dengan MBK bagi mendapatkan maklumat dan berkongsi faedah yang akan diperolehi daripada penggabungan tersebut.

Tindakan: Pengerusi Pihak Pekerja

4.2 Tempoh Penggal Pihak Pekerja MBJ JLN Sesi 2023-2025

4.2.1 Mesyuarat dimaklumkan tempoh penggal Pihak Pekerja MBJ JLN sesi 2023-2025 akan tamat pada bulan Julai 2025.

4.2.2 Mesyuarat bersetuju tempoh tersebut tidak disambung hingga penghujung tahun 2025 dan BKP melaksanakan pemilihan Pihak Pekerja yang baru selepas Mesyuarat MBJ JLN Bilangan 2 2025.

Makluman

5.0 PENUTUP

5.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah hadir ke mesyuarat kali ini dan mesyuarat tamat pada jam 4.10 petang.

Disediakan oleh:



12/2/2025

WAN ZAFIRAH HANIM BINTI WAN MOHAMAD

Setiausaha Pihak Pegawai MBJ JLN



RAJA FAEERULL ASRAF BIN RAJA ALIM

Setiausaha Pihak Pekerja MBJ JLN